
TADIKA AULAD

Syarat dan Peraturan

(Pindaan Januari 2021)

1. Kemasukan

- Umur minimum ialah 3 tahun 6 bulan pada 1/1/2021
- Boleh menyatakan kemahuan sendiri terutama untuk buang air besar atau kecil, tidak memakai lampin, boleh ditinggalkan tanpa ibu bapa.
- Boleh membasuh diri (toilet trained)
- Kanak-kanak akan dibahagikan kepada 3 kumpulan:

Level 1 3 tahun 7 bulan - 4 tahun (lahir sebelum Jun 2017)

Level 2 5 tahun 1 bulan - 6 tahun (lahir pada 2016)

Level 3 6 tahun 1 bulan dan ke atas (lahir pada 2015)

2. Waktu Pembelajaran

LAP menyediakan program berikut:

- | | |
|--------------------------------------|-------------------------------|
| a. program prasekolah | 7.30 pagi hingga 1.00 t.hari |
| - sesi belajar | 8.30 pagi hingga 12.00 t.hari |
| b. nursery | |
| (untuk adik beradik pelajar aulad) | 7.15 pagi - 5.30 petang |
| c. transit / after school | |
| (untuk pelajar LAP sahaja) | 12.00 tengahari - 3.30 petang |
| | 12.00 tengahari - 5.30 petang |

3. Polisi kemasukan

LAP dapat memenuhi keperluan kanak-kanak yang normal walaupun dengan sedikit masalah pembelajaran. Bagaimanapun, kami tidak mempunyai pakar kepada kanak-kanak yang bermasalah fizikal, emosi atau pembelajaran yang sederhana atau berat atau iaitu kanak-kanak yang perlu perhatian khusus seperti 'down syndrome' dsbnya.

Oleh itu LAP berhak untuk:

- menolak permohonan kanak-kanak yang bermasalah sederhana atau berat yang dinyatakan di atas.
- memberhentikan kanak-kanak yang mempunyai masalah tersebut setelah diiksan selepas diterima masuk.

- menamatkan enrolmen kanak-kanak yang tidak dapat berpisah dengan ibu bapa atau tidak dapat menyesuaikan diri dengan suasana tadika selepas tempoh percubaan (biasanya 2 minggu)

4. Pendaftaran / Deposit / Notis berhenti

- Borang permohonan dan permohonan kemasukan adalah percuma.
- Permohonan yang berjaya dikehendaki membayar yuran pendaftaran berjumlah RM 50 yang tidak akan dikembalikan. Dengan bayaran ini tempat anak anda adalah terjamin kecuali perkara 3 di atas.
- Bayaran deposit sebulan yuran wajib dibayar semasa pendaftaran. Deposit ini akan dikembalikan pada akhir pengajian anak anda ataupun sebagai kontra baki yuran tertunggak yang belum dibayar.
- Sekiranya anda bercadang untuk memberhentikan pengajian anak, sila beri notis DUA minggu terlebih dahulu secara bertulis dan mengisi borang berhenti tadika.
- sekiranya anda memberhentikan pengajian anak anda tanpa notis, anda masih perlu membayar yuran sehingga akhir tahun kecuali mendapat pengecualian bertulis daripada pihak kami.
- Ketidakhadiran tidak mengecualikan anak anda daripada membayar yuran kecuali:
 - sakit yang berjangkit seperti sakit mata, campak, kudis, cirit birit sehingga melebihi 1 minggu.
 - atas sebab masalah tingkah laku atau seperti diarahkan oleh pihak tadika.
- Kanak-kanak yang telah berhenti perlulah membuat permohonan semula untuk masuk balik
- pihak tadika boleh memberikan notis berhenti kepada anak tuan jika tuan gagal membuat bayaran yuran setelah notis peringatan ke-2 diberikan. Notis berhenti belajar boleh diberikan apabila tunggakan yuran memasuki bulan berikutnya ataupun tunggakan yuran menyamai deposit yang dibayar.

5. Yuran

Sila lihat Lampiran mengenai yuran yang disertakan.

- Yuran tahunan tidak akan dikembalikan jika anak anda berhenti tanpa notis ataupun selepas bulan Mac tahun tersebut.

- Hanya 50% daripada yuran tahunan akan dikembalikan sekiranya anak anda berhenti sebelum 31 Mac tahun tersebut.
- Ibu bapa yang mengambil anak lewat dari masa balik yang ditetapkan tertakluk kepada bayaran tertentu yang dibayar terus kepada guru.

6. Cara Pembayaran

- Yuran boleh dibayar secara sekaligus atau mengikut jadual ansuran yang perlu dibayar pada minggu pertama setiap bulan seperti dalam jadual.
- Tunggakan yuran tidak dibenarkan sehingga melebihi 1 bulan. Notis peringat pertama akan diberikan apabila gagal membayar pada minggu pertama bulan tersebut.
- Yuran hendaklah dibayar sendiri oleh ibu bapa dan memastikan resit diterima.
- LAP tidak bertanggungjawab atas kehilangan wang yang dikirim melalui anak atau melalui guru selain Guru Besar dan Penyelaras.

7. Penggal persekolahan dan Cuti

- Penggal dan cuti sekolah berdasarkan penggal persekolahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia
- Tadika ditutup pada hari Jumaat, Sabtu dan Hari Pelepasan Am kerajaan pusat dan negeri serta cuti peristiwa khas yang diambil oleh pihak tadika. Cuti juga mengambilkira cuti-cuti perayaan khas yang lain yang dimaklumkan melalui surat dari semasa ke semasa

8. Pemerhatian ibu bapa

Ibu bapa dijemput untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran di tadika pada bila-bila masa hanya setelah memaklumkan kepada Pengetua terlebih dahulu.

9. Minggu suaikenal dan taklimat

- Ibu bapa yang baru diwajibkan menghadiri sesi taklimat yang diadakan sebelum sesi persekolahan bermula.
- Kanak-kanak yang baru masuk diwajibkan mengikuti program minggu suai kenal yang diadakan seminggu lebih awal sebelum sesi baru bermula.

10. Laporan kemajuan

Laporan kemajuan anak-anak anda akan dibuat pada masa hari laporan prestasi yang akan diadakan sekurang-kurangnya 3 kali setahun. Bagaimanapun ibu bapa digalakkan supaya dapat berbincang dengan guru atau pengetua pada bila-bila masa melalui temujanji.

11. Keselamatan

LAP akan memastikan keselamatan kanak-kanak dan staf dalam premis sekolah. Pintu pagar akan ditutup setiap hari di antara 9.00 hingga 11.45 pagi setiap hari. Kanak-kanak akan diserahkan kepada ibu bapa / penjaga atau orang yang diberi kebenaran yang telah diperkenalkan secara individu.

12. Kesihatan

- Kanak-kanak yang terkena 'chicken pox' atau penyakit berjangkit yang seumpamanya hendaklah berehat di rumah sekurang-kurangnya 2 minggu kecuali telah sahkan bebas dari jangkitan oleh doktor.
- sebarang sakit, demam atau kecederaan akan dibawa untuk rawatan oleh doktor panel LAP. Bagaimanapun, ibu bapa akan dihubungi segera jika berlaku kecemasan.
- kanak-kanak yang demam digalakkan supaya tidak dihantar ke tadika. Sekiranya dihantar, pihak kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini.
- Ibu bapa digalakkan supaya memberi sendiri ubat ubatan kepada anak-anak yang terpaksa mengambil ubat. Sekiranya perlu, guru hanya boleh memberi ubat dengan arahan bertulis daripada pihak ibu bapa. Bagaimanapun, pihak kami tidak bertanggungjawab atas sebarang perkara yang tidak disengajakan.

13. Menghantar dan mengambil

- Pengangkutan hendaklah diusahakan sendiri oleh ibu bapa atau penjaga
- Ibu bapa hendaklah menghantar dan mengambil sendiri anak tepat pada masanya
- Anak-anak yang datang terlalu awal tidak dapat ditemani oleh guru atau kakitangan sepanjang masa.
- Kanak-kanak yang sampai lewat akan ketinggalan dalam aktiviti-aktiviti harian. Tolong latih anak anda untuk dapat bersedia awal untuk ke kelas.

- Kanak-kanak yang pulang lewat boleh menyebabkan stress, letih dan 'insecure' dan mengganggu masa bekerja guru dan kakitangan. Sila elakkan atau dapatkan pertolongan waris untuk mengambil anak tepat pada masanya.

14. Pakaian seragam

- Semua pelajar LAP digalakkan memakai pakaian seragam - baju, seluar dan tudung kepala (bagi perempuan) setiap kali datang ke tadika.
- Sila tulis nama anak pada setiap helai pakaian yang dipakainya atau dibawa ke tadika.
- Sila belikan kasut yang boleh dipakai sendiri oleh anak-anak.
- Barang kemas tidak digalakkan. Sebarang kehilangan tidak akan ditanggung oleh pihak LAP.
- Beg sekolah perlu dibawa oleh pelajar Level 3 sahaja dan mesti mengandungi:
 - pensel warna dan 2 alat tulis sahaja.

15. Nurseri

- Kemudahan nurseri hanya disediakan untuk pelajar Aulad, adik-beradik pelajar Aulad dan anak kakitangan sahaja.
- Sila isi borang nurseri dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.
- Beg dan pakaian pelajar tabilas sahaja

16. Makanan

- sarapan disediakan di antara jam 7.45 pagi hingga 8.15 pagi
- makan pagi akan dihidangkan pada jam 10.15 pagi
- makan tengahari akan dihidangkan pada jam 1.00 untuk kanak-kanak nurseri
- makan petang disediakan selepas jam 3 petang untuk kanak-kanak nurseri.
- makanan untuk majlis hari jadi tidak digalakkan untuk dibekalkan oleh ibu bapa kecuali setelah memaklumkan kepada pengetua.
- coklat, biskut, kuih muih yang dibekalkan oleh ibu bapa hanya dibenarkan untuk dimakan pada masa sarapan dan rehat sahaja.
- chewing gum dan junk-food dilarang sama sekali.

17. Permainan

Permainan yang popular di kalangan kanak-kanak tidak dibenarkan dibawa ke tadika kerana sering menjadi tumpuan kanak-kanak sehingga menyebabkan kerosakan atau kehilangan / pergaduhan.

18. Program Tadika

Pihak kami mempunyai program tadika - Aulad CreativePlay Curriculum - yang dinamik berdasarkan Falsafah Pendidikan Prasekolah Kebangsaan yang menekankan perkembangan menyeluruh kanak-kanak (holistic) dan literasi (membaca) bahasa Melayu dan Inggeris berdasarkan kaedah fonetik. Sila pastikan ibu bapa memahami konsep pembelajaran di tadika kami dengan mengikuti taklimat. Sekiranya tidak bersetuju anda diberi 2 minggu untuk menarik keluar anak dengan bayaran deposit dan tahunan dikembalikan.

19. Komen dan cadangan

Sebarang komen, teguran, kritikan, atau cadangan hendaklah disalurkan melalui pengetua tadika. Sebarang kekeliruan yang timbul atau ditimbulkan oleh anak-anak hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada pengetua tadika. Kami mengalu-alukan supaya semua teguran dan akan dirahsiakan.

20. Hal-hal lain

- Sebarang definisi mengenai syarat dan peraturan yang disebutkan dalam peraturan ini adalah mengikut interpretasi pihak Aulad.
- Pihak LAP berhak meminda mana-mana peraturan dan syarat tanpa memberitahu ibu bapa terlebih dahulu.

20. Perhubungan

Pejabat Tadika	09-7472276
No Faks	09-7418653
Guru Besar Tadika	012-978 5276
Pengurus - Hj Othman	012-983 2276
Email	little_aulad@yahoo.com